

KENYATAAN MEDIA

4 OKTOBER 2022

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Jalankan Siasatan Berhubung Kes Kemalangan Elektrik di Kampung Teras Jernang, Selangor

PUTRAJAYA, 4 Oktober – Suruhanjaya Tenaga (ST) memandang serius berkaitan dengan insiden kemalangan elektrik yang telah meragut dua (2) nyawa di Kampung Teras Jernang, Kajang, Selangor baru-baru ini.

Berikutan insiden ini, pihak ST sedang menjalankan siasatan untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian ini. Sekiranya didapati berlaku kecuiaan atau kesalahan oleh mana-mana pihak yang berkenaan, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Bekalan Elektrik, 1990 [Akta 447] dan Peraturan-Peraturan Elektrik, 1994.

Sehubungan itu, ST menasihati orang ramai agar cakna dengan risiko renjatan elektrik daripada kebocoran arus yang mungkin berlaku di sekitar kediaman. Orang ramai perlu memerhatikan persekitaran kediaman dan melaporkan dengan segera kepada pihak utiliti bekalan elektrik sekiranya terdapat kejanggalan pada pemasangan elektrik seperti wayar servis elektrik luka, terjuntai atau menyentuh bumbung rumah. Sekiranya ingin melakukan pengubahsuaian atau penyenggaraan rumah, langkah-langkah berikut hendaklah dititikberatkan:

- Jangan usik atau mengalihkan mana-mana pemasangan utiliti. Hubungi pihak utiliti bekalan elektrik.
- Lantik kontraktor yang berdaftar dengan ST untuk menjalankan kerja-kerja pendawaian elektrik.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- Lantik orang kompeten yang berdaftar dengan ST untuk membuat pemeriksaan sistem pendawaian elektrik secara berkala dan membuat penggantian sekiranya perlu. Orang ramai boleh meminta Kad Pendaftaran Orang Kompeten (*Competent Person Identification Card*) daripada orang kompeten untuk mendapatkan maklumat terus berkaitan status kekompetenan.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai perkara ini, hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau email ke eaduan@st.gov.my. Layari laman web ST di www.st.gov.my untuk mendapatkan:

- Senarai orang kompeten elektrik berdaftar; dan
- Senarai kontraktor elektrik berdaftar.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.